

28 DEC 1996

Abdullah - maklumat

ABDULLAH DAPATKAN MAKLUMAT BALAS MENGENAI AHMAD MOKHTAR

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi kini sibuk mengadakan pertemuan dengan beberapa pihak di Lima bagi mendapatkan maklumat balas mengenai keadaan Duta Malaysia ke Peru dan tebusan yang masih ditahan oleh pemberontak di negara itu.

"Pada hari ini (Jumaat di Peru) saya telah mengadakan perjumpaan dengan dua orang duta yang merupakan bekas tebusan, wakil Palang Merah Antarabangsa serta seorang anggota kongres Peru," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di ibu negara Peru itu.

Beliau berkata menerusi pertemuan dengan dua bekas tebusan iaitu Duta Besar Guatemala Jose Maria Argueta dan Duta Besar Korea Won Young Lee, kedua-duanya menyatakan bahawa sewaktu mereka dibebaskan, Ahmad Mokhtar berada dalam keadaan sihat dan selamat.

Argueta dibebaskan semalam manakala Lee dibebaskan dalam kumpulan kedua beberapa hari lepas sejak ditahan mulai 17 Dis.

Abdullah ditugaskan ke Lima oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berusaha membebaskan Ahmad Mokhtar yang ditahan di Kedutaan Jepun bersama lebih 100 orang oleh gerila Pergerakan Revolusi Tupac Amaru yang menuntut pembebasan rakan-rakan mereka.

Katanya beliau diberitahu oleh Argueta bahawa situasi dalam Kedutaan Jepun terkawal tetapi menyatakan rasa bimbang situasi itu akan merosot sekiranya krisis itu tidak diuruskan dengan cermat.

Lee pula menyatakan rasa sedihnya kerana Ahmad Mokhtar masih ditahan dan menanggung beliau (Ahmad Mokhtar) sebagai seorang duta yang berkebolehan dan tenang ketika dalam tahanan.

Abdullah berkata beliau juga mengadakan pertemuan dengan Duta Besar Jepun di Mexico yang kini ditugaskan di Lima selain Ketua Palang Merah Antarabangsa di Lima, Micheal Mining yang memberitahunya bahawa Ahmad Mokhtar berada dalam keadaan sihat dan selamat.

Dalam pertemuannya dengan anggota parti pembangkang Harold Forsyth Mejia, Menteri Luar itu berkata bahawa beliau dimaklumkan tentang keputusan Kongres Peru termasuk dari parti pembangkang yang sebulat suara menyokong pendirian kerajaan Peru dalam menangani krisis itu.

"Saya memberitahu anggota kongres itu bahawa sokongan seperti itu boleh menjamin kejayaan Presiden Alberto Fujimori untuk menyelesaikan krisis itu dengan baik," katanya. -- BERNAMA